

Rutin harian Ismail Sabri seawal jam 6 pagi, belum bercuti setakat ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 7, 2022 @ 10:56am
mohd.iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Menjadi pemimpin nombor satu kepada rakyat menuntut pengorbanan besar, terutama masa bersama keluarga yang terhad, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, tiada istilah cuti hujung minggu dalam rutin jadual tugasnya dan beliau bekerja setiap hari seawal jam 6 pagi.

Selesai bersarapan, beliau sudah berada di pejabat bermula jam 8 pagi untuk memulakan tugas sebagai Perdana Menteri dan sebaik tiba, perlu mendengar taklimat daripada pegawainya mengenai senarai program harus dihidirinya sepanjang hari.

"Biasanya setiap hari ada mesyuarat. Kalau tak ada mesyuarat, (atau) petang mesyuarat, pagi ada program. Memang ada keinginan untuk bercuti, tetapi tidak ada kesempatan. Setakat ini saya tidak ada cuti lagi.

"Kalau hujung minggu tiba-tiba program batal, macam minggu ini, sepatutnya saya ke Sabah tetapi ada hal tak dapat dielakkan, tak jadi ke sana dan (bila) waktu terluang, masa kualiti saya, saya luangkan dengan keluarga,

"Yang penting, kita keluar, kalau malam keluar dinner (makan malam) atau lunch (makan tengah hari) di mana-mana restoran, kalau ada masa lagi, 'merayau' dan 'window shopping',

"Kalau ada masa lagi, saya tengok wayang dengan keluarga. Saya tonton wayang kat cinema (panggung wayang) luar macam biasa. Keluarga pun faham. Saya pun tak sampai hati nak tinggalkan kerja sebab kita tahu tanggungjawab kepada rakyat, akhirnya tak cutilah," katanya.

Beliau berkongsi kisah terbabit dalam temubual bersama radio HOT FM di Sri Pentas di sini, yang menampilkan trio penyampai Johan, Fara Fauzana dan AG.

Mengakhiri temu bual, Ismail Sabri ketika ditanya harapannya sebagai Perdana Menteri berkata, beliau menginginkan supaya masyarakat di negara ini tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama, terus memperkukuhkan keharmonian sebagai Keluarga Malaysia.

"Kita dalam semangat Keluarga Malaysia dan kemerdekaan, kita kekalkan hubungan antara kaum, kita semua sebagai satu keluarga.

"Apa yang penting bagi negara seperti Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, keharmonian itu adalah satu perkara paling penting.

"Itulah syarat utama untuk kita maju, untuk kekal seperti yang ada pada hari ini, kita mesti kekalkan keharmonian tersebut, hiduplah sebagai satu keluarga," katanya.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (dua, kiri) ketika ditemu bual bersama penyampai radio Hot FM AG (kanan), Johan dan Fara Fauzana (kiri) sempena lawatan ke Sri Pentas Media Prima. - Foto BERNAMA